

21 APR 1996

JURUGAMBAR MALAYSIA DAN AUSTRALIA SERTAI PAMERAN PERTUKARAN

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 21 April (Bernama) -- Tiga jurugambar Malaysia dan tiga jurugambar Australia telah dipilih untuk mengambil bahagian di pameran dan pertukaran fotografi pelbagai budaya untuk tahun ini.

Mereka ialah Suan Lim, Amri Ginang dan S.C. Sekhar dari Malaysia sementara Lorrie Graham, Peter Solness dan Emmanuel Santos mewakili Australia.

Penyelaras projek itu di Malaysia ialah Puan Marina Mahathir. Rakannya di Australia ialah Puan Liza Alpers, dari Pusat Asialink, di Universiti Melbourne.

Pameran fotografi itu yang diumumkan oleh bekas Perdana Menteri Australia Paul Keating, November lepas diadakan dengan kerjasama Yayasan Malaysia-Australia dan Persatuan Australia-Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya di Australia John Howard dijangka membuka pameran bertema "wawasan" masing-masing di Malaysia dan Australia. -- BERNAMA.

NDC PR